



Apakah akaun nama pinjam?

Akaun nama pinjam ialah akaun bank yang didaftarkan atas nama anda, tetapi anda sendiri tidak menggunakannya. Sebaliknya, anda telah menyerahkan (atau menjual) akses dan kawalan ke atas akaun ini (termasuk kad ATM dan nombor PIN anda) kepada orang lain. Biasanya, pihak yang menggunakan akaun ini ialah sindiket penipuan. Mereka memasukkan dan mengeluarkan wang melalui akaun ini untuk mengelakkan siasatan pihak bank dan polis. Oleh kerana akaun ini didaftarkan atas nama anda, pihak polis akan menyiasat dan mengambil tindakan terhadap anda.



Adakah anda menganggap penjualan akaun perkara remeh?

Adakah tidak mengapa jika anda mahu mendapatkan wang dengan cara cepat?

Awas! Jangan jadi rakan subahat penipuan

Sekiranya anda menjual akaun bank anda, termasuk kad ATM dan nombor PIN kepada orang lain, atau membantu orang lain membuka akaun, maka akaun anda telah menjadi akaun nama pinjam. Mangsa penipuan akan mengikut arahan sindiket dan memindahkan wang mereka ke dalam akaun nama pinjam anda, supaya sindiket penipuan dapat mengeluarkan wang tersebut menggunakan kad ATM dan nombor PIN anda. Dengan itu, anda sebenarnya telah membantu sindiket penipuan untuk menipu orang lain, yang bermaksud anda juga telah menjadi rakan subahat mereka.

Jangan Jual Akaun Anda – Ini Padahnya!

1. Bersubahat dengan penipu – **Hukuman jenayah menanti**

Anda akan ditahan dan dipenjarakan selama 1 hingga 10 tahun. Sepanjang tempoh itu, anda tidak boleh balik kampung. Selepas dilepaskan anda akan diusir dari dan tidak dibenar mencari rezeki di Taiwan. Bagaimana dengan kehidupan keluarga anda nanti?

2. **Semua akaun bank anda akan dibekukan, dan anda akan menghadapi kesukaran untuk membuat pinjaman atau memohon kad kredit.**

Walaupun anda masih boleh mengeluarkan wang, jumlah yang boleh dikeluarkan bagi setiap hari atau setiap kali akan dihadkan.

3. Jika anda disabitkan kesalahan, anda akan mempunyai **rekod jenayah** dan sangat susah anda untuk datang balik ke Taiwan lagi.

4. Jangan fikir anda akan terlepas jika anda keluar dari Taiwan sahaja – anda akan **dikehendaki** oleh kerajaan Taiwan.



Contoh kes benar: Jual akaun - Hancur masa depan!

Contoh Kes 1:

Pekerja atau pelajar asing yang menjual akaun untuk mendapatkan wang dengan cepat telah ditangkap oleh pihak polis, dan dijatuhkan hukuman penjara selama 2 tahun. Akibatnya, mereka tidak dapat pulang ke negara asal dan tidak boleh lagi bekerja untuk mencari rezeki.

Contoh Kes 2:

Perkerja asing menjual akuan bank sebelum pulang ke negara asal dan menyangka tiada masalah. Namun, mereka ditahan di lapangan terbang apabila mereka masuk balik semula ke Taiwan kerana telah dikehendaki.



Bagaimana boleh mengelakkan menjadi mangsa?

1. Jangan pinjam atau jual akaun bank, kad ATM, atau kata laluan anda kepada orang lain, dan jangan buka akaun atas nama anda untuk kegunaan orang lain. Sesiapa yang mahu menggunakan akaun dan kad ATM anda pasti ada niat yang mencurigakan!
2. Jika ada sesiapa (sama ada anda kenal atau tidak) yang meminta anda membuka akaun bank atau memindahkan wang bagi pihak mereka, tolak permintaan itu serta-merta! Tidak kira betapa lumayannya tawaran mereka! Jangan tamak! Jangan tertipu!
3. Jika anda mendapati transaksi wang yang mencurigakan berlaku kepada akaun anda, hubungi pihak bank dan polis segera!
4. Lindungi diri anda dan ahli keluarga, jangan jual akaun!



Lindungi diri, jangan bersubahat dengan penipu!

1. Lindungi diri, jangan bersubahat dengan penipu!
2. Akuan anda akan menjadi akaun penipuan, dan bank akan memasukkan nama anda dalam dalam senarai hitam dan anda tidak boleh mengeluarkan wang, memohon pinjaman dan kad kredit selamanya.
3. Adakah patut penipu menjadi kaya, tetapi anda dipenjarakan?
4. Jual akuan = Membantu sedikit penipuan mengubah wang haram = Boleh ditahan dan dipenjarakan!
5. Pendapatan anda hanya beberapa ribu, tetapi penipu memperoleh beberapa juta, dan lagi pun anda sahaja yang perlu tanggungan segala hukuman!





Apakah itu keldai penipuan?

1. Anda membantu sindiket penipuan mengeluarkan wang dengan menggunakan Kad ATM dan kata laluan orang lain, atau 'membantu' seseorang untuk mengutip wang daripada orang lain dan menyerahkan wang tersebut kepadanya, anda adalah keldai penipuan.
2. Sekiranya anda membantu kumpulan penipuan untuk mengutip wang hasil penipuan, walaupun wang tersebut telah diserahkan kepada kumpulan penipuan, anda masih bersalah kerana telah melakukan kesalahan penipuan dan pengubahan wang haram, dan pihak polis akan tetap mengambil tindakan terhadap anda.
3. Keldai penipuan mudah ditangkap oleh pihak polis, oleh itu sindiket penipu mengarahkan kamu untuk mengutip wang bagi pihak mereka. Akhirnya, wang yang diterima adalah milik sindiket penipu, tetapi yang ditangkap oleh polis adalah anda, dan anda masih perlu memulangkan wang tersebut kepada mangsa penipuan.



Anda menganggap menjadi keldai penipuan sesuatu perkara remeh?



Menerima wang sahaja tidak bersalah?



Hati-hati akhirnya anda yang paling merugi!

1. Menjadi keldai penipuan bukanlah perkara remeh tetapi **satu jenayah serius** yang boleh dikenakan hukuman penjara antara 1 hingga 7 tahun, dan juga perlu membayar **pampasan jumlah besar**.
2. Jika mangsa membuat tuntutan daripada anda, mahkamah berhak untuk merampas harta anda untuk membayar ganti rugi kepada mangsa.
3. Walaupun anda sudah membeli rumah, kereta dengan wang itu atau telah memindahkannya kepada orang lain, **kerajaan masih boleh mengesannya dan menyitanya** — anda tetap tidak boleh lari daripadanya!

Contoh kes benar: Jadilah penipuan dan hilang segala-galanya!

Contoh Kes 1

Pelajar asing membantu sindiket penipuan mengeluarkan wang dari ATM dan ditangkap oleh pihak polis. Akibatnya, bukan sahaja dikenakan tindakan buang sekolah dan disiasat di bawah proses perundangan, malah diwajibkan membayar semula wang tersebut kepada mangsa sebagai pampasan.

Contoh Kes 2

Pekerja asing yang terdengar bahawa boleh menjana wang dengan cepat telah terpedaya dan membantu sindiket penipuan dengan mengutip wang daripada orang awam — yang sebenarnya merupakan mangsa penipuan. Akibatnya beliau bukan sahaja ditahan oleh pihak polis, dipenjarakan dan dihalang daripada pulang ke negara asal, malah pun hilang kelayakan untuk terus bekerja. Kesannya, kehidupan seluruh keluarganya turut terjejas dan menghadapi kesulitan yang serius.

Contoh Kes 3

Seorang pelancong asing ditarik oleh iklan kerja di luar negara yang menjanjikan gaji tinggi, kerja ringan, dan akan membekalkan tiket percuma ke Taiwan. Namun, setibanya di Taiwan, dia pun telah disekat oleh sindiket penipuan. Telefon dan pasportnya dirampas, dan ini menyebabkan dia tidak dapat menghubungi saudara-mara dan ahli keluarganya. Tugasnya adalah mengutip wang daripada mangsa sindiket ini. Dan sindiket ini menyatakan bahawa akan memulangkan pasportnya jika dia selesaikan tugas hingga tahap yang ditentukan. Kalau dia ditangkap oleh pihak polis, bukan sahaja tidak dapat pulang ke negara asalnya dan rugi semua rezeki, dia juga akan menghadapi tindakan undang-undang dan perlu membayar pampasan.

